

10/01/2004

Che Puan Haminah dimasyhur Sultanah Kedah

ALOR STAR: Che Puan Haminah Hamidun, 51, dimasyhurkan sebagai Sultanah Kedah pada istiadat penuh adat kebesaran Diraja di Balai Penghadapan, Istana Anak Bukit, di sini.

Istiadat pemasyhuran itu disempurnakan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah tepat pada jam 10.15 pagi dengan meletakkan mahkota kebesaran di jemala Sultanah sambil disaksikan kerabat diraja, Menteri Besar dan pemimpin negeri.

Serentak itu, tembakan meriam 21 das dilepaskan sebelum Sultan Abdul Halim mengurniakan pingat Darjah Kerabat (DK) kepada Sultanah.

Baginda berdua kemudian berangkat meninggalkan majlis pada jam 10.30 pagi selepas doa selamat dibacakan Mufti Kedah, Datuk Paduka Syeikh Hasbullah Abdul Halim.

Turut hadir ialah dua anakanda baginda, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz dan Datuk Seri Tunku Soraya selain Raja Muda dan Raja Puan Muda.

Hadir sama, bekas Perdana Menteri dan isteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir selain Ahli Dewan Undangan Negeri dan ketua jabatan.

Terdahulu, keberangkatan tiba Sultan dan Sultanah ke Balai Penghadapan tepat pada jam 10 pagi diiringi dengan bacaan selawat sebelum paluan nobat dibunyikan oleh pembawa alat kebesaran Diraja.

Kemudian, warkah pemasyhuran Sultanah Kedah dibacakan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dalam kandungan warkah itu, Sultan Kedah bertitah mengikut Perkara 26(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah Darulaman 1956, ada diperuntukkan antara lain, kuasa baginda menggelar isteri baginda menjadi Sultanah Kedah.

"Menjalankan kuasa yang diberikan kepada beta mengikut perkara itu, dengan ini baginda berkenan mengurniakan Yang Mulia Che Puan Hajah Haminah Haji Hamidun dengan gelaran Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah dan layak diberikan apa-apa keistimewaan atau faedah sebagaimana ia boleh ditetapkan," titahnya.

Che Puan Haminah yang dilahirkan di Bagan Serai, Perak, pada 15 Julai 1953, mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Matang Jelutong, Bagan Serai sebelum menyambung di Sekolah Menengah Inggeris Bagan Serai.

Anak keempat daripada tujuh beradik itu, berkahwin dengan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada 25 Disember 1975.

Serentak dengan pemasyhuran itu, Menteri Besar sebelum ini mengumumkan Sabtu ini sebagai cuti umum sempena istiadat berkenaan.